

01/09/1998

Sambutan sederhana tetapi meriah

ail Muhamad; Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Isnin - Kegawatan ekonomi negara tidak melunturkan semangat patriotisme rakyat di seluruh negara menyambut Hari Kebangsaan Ke-41 yang diraikan secara sederhana tetapi meriah dan warna-warni, hari ini.

Malah, hujan renyai di penghujung sambutan peringkat Kebangsaan di PULAU PINANG, tidak menghalang rakyat memeriahkan hari bersejarah itu.

Lebih 20,000 penduduk pelbagai lapisan umur dan masyarakat membanjiri padang Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, sejak awal pagi bagi menyaksikan sambutan itu.

Bertemakan 'Negara Kita Tanggungjawab Kita', 10,485 peserta termasuk 67 kontinjen dan 26 pancaragam menyertai perarakan yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengetuai tetamu kehormat yang menyaksikan perarakan itu. Hadir sama, Yang Dipertua Negeri, Tun Hamdan Sheikh Tahir; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan 1998 yang juga Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik serta perwakilan asing.

Sambutan didahului pemeriksaan kawalan kehormat oleh Tuanku Ja'afar dan acara menaikkan bendera Jalur Gemilang dengan iringan lagu Negara Ku serta bacaan ikrar tujuh pelajar dari beberapa sekolah di negeri ini diketuai Ridzal Zulkifli dari Penang Free School.

Majlis diikuti bacaan sajak Junjung Pusaka Watan Merdeka karya Marzuki Ali oleh tiga pendeklamator, iaitu Claudia Theophilus, Maarof Seman dan Ng Paik Kheng.

Kemuncak sambutan ialah pertunjukan padang membabitkan 2,750 pelajar yang mempersembahkan formasi logo Hari Kebangsaan tahun ini. Seramai 7,927 peserta mengambil bahagian dalam perarakan termasuk 945 peserta mewakili 13 agensi kerajaan negeri; sektor swasta (1,771); pertubuhan dan persatuan (761); pasukan beruniform (1929); kenderaan (310); pancaragam sekolah (1,197); agensi kerajaan Persekutuan (252).

Perarakan turut disertai lima unit kenderaan pacuan empat roda Perodua Kembara dan diserikan pertunjukan udara membabitkan pesawat Hawks, F-18 Hornets, Allouette dan Wasp.

Sambutan yang sama turut diadakan di semua negeri.

Di ALOR STAR, 122 kontinjen membabitkan 4,026 anggota berpakaian warna-warni menyertai perbarisan di Stadium Darul Aman. Kontinjen pengakap dan kadet pembawa bendera Jalur Gemilang dan Kedah mendahului perbarisan yang bermula 9.15 pagi.

Sultan Kedah, Raja Muda, Raja Puan Muda dan Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid serta ahli Exco Kerajaan Negeri, turut hadir.

Terdahulu, Sultan Kedah memeriksa perbarisan kehormat oleh Batalion Keenam Askar Melayu Diraja Malaysia (RAMD), diketuai Mejar Aziz Ismail dengan 104 anggota.

Di MELAKA, kira-kira 4,000 peserta dari 72 pasukan pelbagai jabatan kerajaan, swasta serta pertubuhan sukarela menyertai perbarisan di hadapan bangunan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir.

Perbarisan lintas hormat dilakukan di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Syahabuddin serta isteri, Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman dan Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Di KOTA KINABALU, 8,000 orang termasuk 3,000 peserta dari 50 kontinjen yang menyertai acara perbarisan, membanjiri Padang Merdeka sejak jam 6.30 pagi.

Acara sambutan bermula jam 7.30 pagi dengan 105 anggota kawalan kehormat Pasukan 3 RAMD, diketuai Mejar Mohd Rozi Razak, memberi tabik hormat diraja kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai.

Turut hadir, isteri beliau, Toh Puan Siti Rukaiyah Panglima Abdullah dan Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok serta anggota Kabinet negeri.

Di KUALA TERENGGANU, kira-kira 10,000 kakitangan kerajaan, badan berkanun, swasta, pelajar dan pasukan keselamatan membabitkan 120 kontinjen menyertai perbarisan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad merasmikan sambutan itu yang bermula 7.30 pagi. Ahli Exco negeri dan ketua jabatan turut hadir.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nor Zahirah pula menerima tabik hormat daripada kontinjen pada perbarisan di pentas diraja di Taman Shahbandar kira-kira jam 8 pagi.

Di KOTA BHARU, kira-kira 10,000 rakyat membanjiri Stadium Sultan Mohamed Ke-IV untuk menyaksikan perbarisan 90 kontinjen membabitkan 2,900 peserta diketuai Mejar Abdul Halim Ismail dari 16 RAMD Pengkalan Chepa.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, diberi penghormatan menerima tabik hormat daripada kontinjen yang mengambil bahagian serta turut menyampaikan hadiah kepada pasukan terbaik dalam kategori persembahan perbarisan dan pakaian seragam.

Di MERSING, sambutan Hari Kemerdekaan peringkat Johor yang pertama kali diadakan di daerah itu, disertai 64 kontinjen membabitkan kira-kira 2,000 peserta. Turut serta, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, Ahli Exco Negeri dan ketua jabatan.

Di KUANTAN, kira-kira 8,000 peserta, termasuk Orang Asli menyertai perbarisan di padang Majlis Perbandaran Kuantan I. Acara dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh Pemangku Raja Pahang, diikuti upacara menaikkan bendera, bacaan ikrar dan nyanyian koir.

Di IPOH, 64 kontinjen dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, badan swasta, pertubuhan sukarela dan politik, pelajar serta anggota tentera menyertai perbarisan bermula dari Padang Bandaran Ipoh hingga ke kawasan Ipoh Raya.

Upacara dimulakan dengan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah memeriksa kawalan kehormat 23 anggota RAMD. Turut hadir, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun; Raja Muda, Raja Nazrin Shah dan Raja Dihilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, Puan Seri Raja Noora Ashikin dan Ahli Exco Negeri.

Di KUCHING, lebih 7,000 orang menyertai sambutan Hari Kebangsaan di Padang Merdeka yang turut disertai Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, isterinya, Puan Sri Laila Taib; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang; Menteri Kabinet Negeri dan pembesar negeri.

Sambutan turut diadakan di perkarangan Astana, Petra Jaya, petang ini. Ia dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor dan isteri, Toh Puan Rosmiati serta Ketua Menteri dan isteri.

Di SHAH ALAM, kira-kira 5,000 orang membanjiri Dataran Majlis Perbandaran Shah Alam bagi menyaksikan perarakan yang diadakan di hadapan Wisma MPSA.

Turut menyaksikan perarakan kira-kira 50 kontinjen itu ialah Sultan Selangor dan Cik Puan Besar Datuk Amar Siti Aishah, Raja Muda, Tengku Idris Shah dan Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

Di KANGAR, 93 kontinjen membabitkan lebih 2,000 peserta menyertai perbarisan bermula dari Kompleks Warisan dan berakhir di Padang Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

Turut serta, Raja Muda Perlis, Raja Puan Muda dan Menteri Besar, Datuk

Seri Shahidan Kassim.

Di SEREMBAN, kira-kira 5,000 orang menyaksikan perbarisan di Padang NS, Seremban. Pemangku Yang Dipertuan Besar, Tunku Naquiyuddin Tunku Ja'afar menerima tabik hormat.

Turut hadir, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad serta isteri Puan Sri Hazizah Tumin dan orang kenamaan negeri.

(END)